

Bekas pesakit Covid-19 berisiko besar dijangkiti berikutan tiada imuniti

Oleh NILAM NUR ATIKAH  
OSHMAN  
SHAH ALAM

Pakar kesihatan awam berpendapat rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti Covid-19 berisiko mendapat jangkitan subvarian BF.7 kerana kemungkinan besar belum mempunyai imuniti.

Pensyarah Perubatan Kanan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Rosliza Abd Manaf berkata, ke-

berkesanan vaksin Covid-19 akan menurun selepas enam bulan seseorang itu menerima dos terakhir atau vaksinasi ke-3 (*booster*).

"Subvarian BF.7 adalah subvarian yang baharu.

"Sebelum melanda China, ia telah mula menjangkiti manusia di Amerika Syarikat dan Eropah.

"Jadi, individu yang pernah kena sebelum ini masih berisiko mendapat jangkitan kerana kemungkinan besar belum lagi mempunyai imuniti terhadap subvarian ini," kata beliau kepada *Sinar Harian*.

Varian Covid-19 terbaru subvarian Omicron yang di-

# Ancaman subvarian BF.7 kepada rakyat Malaysia



Rakyat Malaysia khasnya bekas pesakit Covid-19 berisiko dijangkiti subvarian BF.7. Gambar kecil: Dr Rosliza.

NASIONAL  
**Bertindak segera sebelum terlambat**  
Ketika pelawat dari negara lain masuk ke Malaysia, mereka perlu dilakukan ujian COVID-19. Jika hasilnya negatif, mereka boleh masuk tanpa masalah. Tetapi jika hasilnya positif, mereka perlu diisolasi selama beberapa hari. Hal ini boleh mengganggu perjalanan mereka dan menyebabkan ketidakpuasan.

NASIONAL  
**Luahan waris korban Covid-19**  
Walaupun kita telah berjaya mengendalikan COVID-19 di dalam negara, tetapi masih ada kesan negatif yang perlu diingat. Korban COVID-19 yang meninggal dunia atau terkena penyakit yang serius masih banyak. Mereka meninggalkan warisan yang sangat berharga bagi keluarga mereka.

Dalam pada itu, Dr Rosliza berpandangan langkah

namakan BF.7 dipercayai memacu lonjakan jangkitan di China.  
BF.7 adalah singkatan untuk BA.5.2.1.7 yang berasal daripada varian Omicron BA.5 dan pertama kali dikesan sedunia pada Julai 2022.

"Tidak kira apa varian sekali pun, ia tetap akan mendatangkan mudarat kepada mana-mana negara jika kemasukan mereka

pelaksanaan ujian saringan kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 adalah lebih praktikal berbanding pemberian dos tambahan vaksin kepada setiap individu.

"Oleh itu, dari sudut kesihatan awam, saya amat menyarankan agar kemasukan pelawat atau sesiapa saja dari China agar disaring dengan ujian RTK, seperti Kanada dan India selain hanya (pelancong) yang negatif saja dibenarkan masuk," ujar beliau.

tidak disaring.  
"Oleh itu, dari sudut kesihatan awam, saya amat menyarankan agar kemasukan pelawat atau sesiapa saja dari China agar disaring dengan ujian RTK, seperti Kanada dan India selain hanya (pelancong) yang negatif saja dibenarkan masuk," ujar beliau.